



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jld. 45

4 Januari 2001

No. 1

---

## AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92—Pindaan 1972)

No. 1.

### PERLANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92—Pindaan 1972) Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang dengan ini melantik pegawai yang berikut menjadi Majistret Kelas Dua bagi Negeri Pulau Pinang mulai tarikh yang disebutkan.

Bil.	Nama	Gelaran Jawatan	Tarikh Perlantikan Sebagai Majistret Kelas Dua Bagi Negeri Pulau Pinang
1.	Mohamad bin Hussain K/P 4355921	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)	1 Ogos 2000
2.	Talib bin Ahmad K/P 610919-01-6197	Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)	7 Ogos 2000

Bertarikh 25 November 2000.  
[PSUK/PP/3366 Bah.1 Jld.4.]

MD. SAMSUDIN BIN ABDULLAH,  
Unit Perkhidmatan,  
b.p. Setiausaha Kerajaan,  
Pulau Pinang

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

2

[4 Jan. 2001]

## No. 2.

### AKTA PEMELIHARAAN TANAH 1960

(Seksyen 3)

### LAND CONSERVATION ACT 1960

(Section 3)

Adalah dengan ini diberitahu bahawa Yang di-Pertua Negeri dalam Majlis membatalkan pengisytiharan tanah bukit setakat yang berkenaan seperti yang dijadualkan di bawah ini dan dipetakan di atas Peta No. PW 639 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang yang mana telah diisytiharkan sebagai tanah bukit sepetimana yang diwartakan menurut Kenyataan Warta No. 4 bertarikh 5 September 1957.

It is hereby notified that Yang di-Pertua Negeri-in-Council revokes the declaration of hill land in so far as it relates to land as scheduled hereto and delineated upon Plan No. PW 639 as deposited in the Office of Director of Survey, Penang which has been declared to be hill lands *Vide Gazette* Notification No. 4 dated 5th September 1957.

#### JADUAL/SCHEDULE

Daerah	No. Lot	Mukim	No. & Jenis Hakmilik	Luas
HEKTAR				
Seberang Perai	1159 dan	14	G.M. No. 121	0.9231
Tengah	Sebahagian		G.M. No. 497	1.793
	Lot 1757 &		G.M. No. 498	1.844
	175			

Bertarikh 7 Disember 2000.

Dated 7 December 2000.

[PTG/TS/SPT/376; PTSPT/E/577(35).]

NG WEE KOK,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Pulau Pinang

## No. 3.

Adalah dengan ini diberitahu bahawa Yang di-Pertua Negeri dalam Majlis membatalkan pengisytiharan tanah bukit setakat yang berkenaan seperti yang dijadualkan di bawah ini dan dipetakan di atas Peta No. 567 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang yang mana telah diisytiharkan sebagai tanah bukit sepetimana yang diwartakan menurut Kenyataan Warta No. 125 bertarikh 9-6-1960.

#### JADUAL/SCHEDULE

Daerah	No. Lot	Mukim	Hakmilik Gantian	Keluasan	E.	R.	P.
Seberang Perai Selatan	30	6	Geran Mukim GM 2	1 2 22.7			

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

4 Jan. 2001]

3

Daerah	No. Lot	Mukim	Hakmilik Gantian	Keluasan		
				E.	R.	P.
Seberang Perai Selatan	122	6	Geran Mukim GM 3	2	3	30
"	158	6	Geran Mukim GM 6	2	3	28
"	225	6	Geran Mukim GM 225	1	2	12.6
"	383	6	Geran Mukim GM 8	2	1	12

Bertarikh 7 Disember 2000.  
[PTSPS/E/361; PTG/TS/SPS/247.]

NG WEE KOK,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Pulau Pinang

## KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 Tahun 1965)

### No. 4.

#### (Seksyen 97 dan 98) NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada S.W. Yap Dev. Sdn. Bhd. c/o Tingkat 2, Bilik 4, Hong Kong Bank Chambers, Downing Street, Pulau Pinang dan digadai kepada MBF Finance Bhd. Tingkat 2, Plaza MBF Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur yang beralamat di atas tidak dapat dikesan, tuan punya tanah/tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan supaya membayar di Pejabat Tanah Seberang Perai Selatan, 14200 Sungai Jawi, segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

4

[4 Jan. 2001]

## JADUAL

Jenis dan No. Hakmilik—Mukim 9, Seberang Perai Selatan, HS(D) 32; No. Lot/P.T.—Lot 1017; Hasil Tahun Ini—RM60.00; Hutang Dari Tahun-tahun Yang Lepas—RM566.00; Bayaran Dan Lain-lain Yang Kena Sebagai Hasil—RM623.60 (Bayaran Notis); Jumlah Kena Dibayar—RM1,239.26 dan RM10.00 (RM1,249.26)—Gadaian Persn. No. 262/78 Jilid 116 Folio 165 Bertarikh 10-1-1978 Kepada MBF Finance Bhd.

Bertarikh 4 Disember 2000.

[(20) PTSPS/F/160(119/2000).]

HAJI SHAARI BIN YAACOB,  
Penolong Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Selatan

## No. 5.

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran telah hilang

## JADUAL

Mukim—15, Seberang Perai Tengah; No. Lot—1639; Jenis dan No. Hakmilik—GM 78; Luas—1 Ekar 0 Rood 17.2 Pol.

Bertarikh 8 Disember 2000.

[PTSPT/D/1453]

HALIMAHTON BINTI RAHMAT,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Tengah,  
Bukit Mertajam

## No. 6.

(Seksyen 187B)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
SURATAN HAKMILIK SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik sementara yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini atas sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran telah hilang

## WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

4 Jan. 2001]

5

### JADUAL

Mukim—16, Seberang Perai Tengah; No. Lot—PTBM/A/108; Jenis dan No. Hakmilik—Suratan Hakmilik Sementara HS(M) 94; Luas—4,053 Kaki Persegi.

Bertarikh 8 Disember 2000.  
[PTSPT/D/1454.]

HALIMAHTON BINTI RAHMAT,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Tengah,  
Bukit Mertajam

### No. 7.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik sementara yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini atas sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran telah hilang

### JADUAL

Mukim—15, Seberang Perai Tengah; No. Lot—11428; Jenis dan No. Hakmilik—Suratan Hakmilik Sementara HS(M) 2242; Luas—111 Meter Persegi.

Bertarikh 8 Disember 2000.  
[PTSPT/D/1455.]

HALIMAHTON BINTI RAHMAT,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Tengah,  
Bukit Mertajam

### No. 8.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Haji Mohd. Saad bin Haji Sulaiman, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan.

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

6

[4 Jan. 2001]

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 10 Januari 2001 di Pejabat Tanah, Seberang Perai Tengah, Jalan Betik, Sungai Rambai, Bukit Mertajam, jam 10.00 pagi;
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM50,000.00.

2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM50,681.63 sehingga 15-9-2000.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Mukim 13, Seberang Perai Tengah; No. Lot/Petak/P.T.—Lot 1072; Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 339; Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Persn. No. 377/97 Jilid No. 133 Folio No. 29.

Bertarikh 5 Disember 2000.

[PTSPT/D/1392.]

HAJI MOHD. SAAD BIN HAJI SULAIMAN,  
Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Tengah,  
Bukit Mertajam

## AKTA KANUN TANAH NEGARA (HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) 1963

No. 9.

### JADUAL II

(Peraturan 6)

### KEPUTUSAN/PERINTAH PESURUHJAYA

Negeri Pulau Pinang, Seberang Perai Utara

Kepada: Sesiapa jua yang berkenaan.

No. Siasatan: 5/2000

Siasatan di bawah seksyen 84 terhadap pegangan No. 819 Mukim 16, Seberang Perai Utara.

Pendapat:

Saya berpendapat seperti berikut—

- (i) Hakmilik tanah pegangan ini menjadi tidak terang kerana pejabat ini tidak boleh menentukan tuan tanah yang sebenar bagi tanah pegangan ini;

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

4 Jan. 2001]

7

- (ii) Setelah siasatan dibuat, didapati bahawa tanah ini telah diperintah oleh Arshad bin Man sejak dari sebelum Jepun lagi hinggalah ke tarikh kematiannya pada tahun 1990. Semasa pemerintahan beliau, beliau juga telah dibantu oleh anak beliau Yam @ Mariam binti Arshad;
- (iii) Segala hasil-hasil tanah dibayar kepada Kerajaan;
- (iv) Oleh kerana Yam @ Mariam binti Arshad telah sama-sama memerintah tanah ini dengan bapanya dan setelah kematian bapa beliau pemerintahan tanah ini telah diteruskan sehingga ke hari ini tanpa gangguan sesiapapun dan telah meliputi 12 tahun sebelum 1-1-66. Waris-waris yang ada bersetuju tanah ini didaftarkan di atas nama Yam @ Mariam binti Arshad.
2. Oleh yang demikian saya memberi keputusan seperti berikut—
- (i) Batalkan catatan hakmilik tak terang;
- (ii) Daftarkan nama Yam @ Mariam binti Arshad—kesemua bahagian;

Diperbuat di bawah tandatangan saya dan meterai pada 14 Disember 2000.  
[PHMT/A/3/C/DSPU/26202(1).]

WAN RUHANI BINTI WAN DAUD,  
Timbalan Pengarah Hakmilik Geran Tanah,  
Pulau Pinang

## No. 10.

### JAWATAN-JAWATAN

Perlantikan-perlantikan yang berikut telah dibuat:

Bil.	Nama dan Pangkat	Dilantik atau Ditempatkan Kerja Sebagai	Mulai Dari	Hal-hal Lain
1.	Encik Mohd. Yazid bin Ramli PTD Gred M2	Pegawai Daerah Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan	16-7-2000	JPA(S) 230/1/3-1 Klt. 9/(224)
2.	Encik Hilal bin Haji Othman PTD Gred M3	Pegawai Khas/Pembangunan Sistem Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	11-9-2000	JPA(S) 230/1/1 Klt. 24/(397)
3.	Encik Abu Hassan bin Omar PTD Gred M3	Penolong Setiausaha Bahagian Perumahan & Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	1-10-2000	JPA(S) 230/1/3-1 Klt. 24/(401)
4.	Encik Farizan bin Darus PTD Gred M3	Ketua Penolong Pegawai Daerah Pejabat Daerah & Tanah Daerah Seberang Perai Utara	16-10-2000	JPA(S) 230/1/3-1 Klt. 9/(349)

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

8

[4 Jan. 2001]

Bil.	Nama dan Pangkat	Dilantik atau Ditempatkan Kerja Sebagai	Mulai Dari	Hal-hal Lain
5.	Puan Rosnah binti Ismail PTD Gred M3	Ketua Penolong Daerah Pejabat Daerah & Tanah Daerah Seberang Perai Selatan	16-11-2000	JPA(S) 230/1/1 Klt. 24/(410)

Pembatalan Perlantikan adalah seperti berikut:

Bil.	Nama dan Pangkat	Dilantik atau Ditempatkan Kerja Sebagai	Mulai Dari	Hal-hal Lain
1.	Encik Ahmad Phesal bin Talib PTD Gred M2	Pegawai Daerah Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan	16-7-2000	Bil.(22) dlm. PDSPS/AM/926
2.	Encik Abd. Rahman bin Omar Pegawai Sistem Maklumat Maklumat Gred F3	Pegawai Sistem Maklumat Pusat Komputer Negeri Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	16-10-2000	Perj. 263/7/2 Jld. 14 (117)

Bertarikh 5 Disember 2000.

[PSUK/PP/001. 43 Jld. 4.]

MD. SAMSUDIN BIN ABDULLAH,  
Unit Perkhidmatan,  
b.p. Setiausaha Kerajaan,  
Pulau Pinang

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**  
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad**.  
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA